

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**RUJUKAN : 7253**

**SOALAN:**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan  
pihak Kementerian dalam mengawal kemasukan pekerja asing ke  
Malaysia dan adakah terdapat had limit jumlah kemasukan pekerja  
asing yang dibenarkan bekerja di Malaysia serta apakah usaha  
Kerajaan dalam mengawal pekerja-pekerja asing ini dari  
melakukan jenayah serta aktiviti sosial yang dapat mencemarkan  
imej Malaysia

## JAWAPAN:

Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengawal kemasukan pekerja asing ke Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Pekerja asing hanya dibenarkan untuk mengisi jawatan yang dikategorikan sebagai 3D (*Dirty, Difficult, Dangerous*) sahaja. Jawatan-jawatan ini telah dihadkan kepada 5 sektor formal iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan, pertanian dan 1 sektor informal iaitu pembantu rumah;
- (ii) Kerajaan turut memperkenalkan pelbagai insentif fiskal dan kewangan untuk menggalakkan penggunaan automasi di sektor perkilangan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan. Manakala di sektor pembinaan pula *Industrialised Building System (IBS)* digunakan untuk menggalakkan penggunaan jentera dan peralatan;
- (iii) Selain itu, Kerajaan melalui Agensi Kawal Selia sektor ekonomi berkenaan kini sedang mempergiatkan program-program memperkasakan kemahiran di kalangan belia-belia tempatan dalam usaha untuk menarik minat warga tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan di sektor-sektor yang kini diisi oleh pekerja asing.

Pada masa ini, kerajaan masih belum menetapkan had jumlah kemasukan pekerja asing yang dibenarkan bekerja di

**Malaysia.** Bagaimanapun, kemasukan pekerja asing adalah berdasarkan keperluan sebenar industri di sektor-sektor yang dibenarkan.

Kerajaan amat peka dengan kesan jangka panjang kehadiran pekerja asing di negara ini terutamanya dari segi sosioekonomi, sosial dan keselamatan awam. Sehubungan ini, tindakan penguatkuasaan sentiasa dipergiatkan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir pekerja asing yang melanggar undang-undang dan peraturan negara.

Selain itu, kerajaan juga mewajibkan semua pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia menjalani saringan kesihatan terlebih dahulu di negara sumber dan di negara ini melalui FOMEMA bagi memastikan bawaan penyakit-penyakit berjangkit dapat dikawal.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK AHMAD JAZLAN BIN DARIPADA YAAKUB [ MACHANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peminjam PTPTN yang telah membuat bayaran balik sehingga hujung tahun 2013; dan
- (b) adakah Kerajaan ada merangka satu pelan tindakan khas bagi mengejar bekas pelajar yang masih belum membuat bayaran semula kepada pihak PTPTN walaupun telah bekerja hampir 5 tahun.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sehingga 31 Disember 2013, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menerima bayaran balik berjumlah RM4.96 bilion atau 49.29 peratus daripada jumlah sebenar yang patut diterima iaitu sebanyak RM10.80 bilion melibatkan seramai 927,295 orang peminjam.
- (b) Pelbagai pendekatan mesra pelanggan dan penguatkuasaan telah dilaksanakan tetapi masih terdapat segelintir peminjam yang enggan membuat bayaran balik. Mulai 1 Januari 2015, seramai

173,985 peminjam tegar PTPTN yang tidak pernah membuat sebarang bayaran balik bagi tempoh 1999-2010 (melebihi 3 tahun) sehingga 1 Oktober 2014 akan disenaraikan di dalam *Central Credit Reference Information System* (CCRIS). Pendekatan pelaksanaan CCRIS ini digunakan bagi mendidik peminjam khususnya yang tidak pernah membuat bayaran agar lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dalam membuat bayaran secara teratur.

RT 03

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK AHMAD JAZLAN BIN DARIPADA YAAKUB [ MACHANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah geran penyelidikan yang telah dikeluarkan berserta jumlah peruntukan yang telah diberi oleh IPTA dan apakah hasil yang diperoleh daripada geran penyelidikan tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), iaitu dari tahun 2011 hingga 2013, sejumlah 5,243 kajian penyelidikan telah dijalankan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) melibatkan jumlah geran sebanyak RM1 billion. Geran penyelidikan tersebut meliputi Skim Geran Penyelidikan Fundamental, Skim Geran Penyelidikan Eksploratori, Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang dan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip. Bidang kajian adalah penyelidikan fundamental yang meliputi lapan (8) kluster utama iaitu:

- i. Sains Tulen;
- ii. Sains Gunaan;
- iii. Sains Kesihatan dan Klinikal;
- iv. Sains Tabii dan Warisan Negara;

- iv. Teknologi dan Kejuruteraan;
- vi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
- vii. Sains Sosial; dan
- viii. Sastera dan Sastera Ikhtisas.

Hasil *output* dan impak program penyelidikan di bawah geran Kementerian meliputi penghasilan modal insan berpengetahuan tinggi, penerbitan dalam jurnal-jurnal di peringkat dalam negara dan antarabangsa, penghasilan harta intelek, produk untuk dikomersilkan, serta jaringan kolaborasi dengan industri tempatan dan luar negara.

Sehingga Jun 2014, seramai 6,938 modal insan iaitu 2,674 orang pelajar PhD dan 4,264 orang pelajar sarjana telah dihasilkan melalui projek-projek penyelidikan yang telah diluluskan. Bagi penerbitan penyelidikan berimpak tinggi pula, sebanyak 4,963 penerbitan dalam bentuk artikel, buku, bab dalam jurnal, manuskrip dan lain-lain telah dihasilkan. Manakala, sebanyak 230 harta intelek (IP) telah dihasilkan daripada geran-geran yang telah diluluskan di bawah RMKe-10.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN  
YAAKUB  
(MACHANG)**

**SOALAN : 26**

Mohon **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan mini RTC yang telah dibina setakat ini terutamanya di kawasan Pantai Timur dan adakah Kementerian bercadang untuk menambah lagi bilangan Mini RTC; dan
- (b) adakah Kementerian telah mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk membina Mini RTC bagi memudahkan masyarakat setempat khususnya di kawasan Pantai Timur.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sebanyak 73 buah Mini RTC yang telah dibina di kawasan Pantai Timur. Senarai Mini RTC tersebut adalah seperti di **lampiran 1**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bangunan Mini RTC asalnya adalah Medan Infodesa (MID) yang dibina di kampung-kampung yang memenangi anugerah desa cemerlang peringkat kebangsaan. Melalui transformasi Mini RTC, kementerian telah menambah fungsi dan peranan asal MID dari sebuah pusat internet desa yang bertujuan untuk merapatkan jurang digital bandar dan luar bandar kepada program yang meningkatkan taraf hidup sosial ekonomi komuniti setempat. Program yang telah dan akan dilaksanakan meliputi inisiatif berikut:-

- i. Latihan ICT.
- ii. Latihan Kemahiran Desa.

- iii. Kolaborasi bersama jabatan kerajaan dan swasta.
- iv. Kiosk Informasi 1Malaysia.
- v. Ejen Bank Berdaftar (EBB) dengan kerjasama BSN.
- vi. Kafe Siber.
- vii. Program kesukarelawan bersama IM4U dan IPT.
- viii. Pusat pengumpulan produk IKS.

Buat masa kini kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan Mini RTC di kawasan Pantai Timur kerana selain daripada jumlah yang dikira mencukupi, tumpuan utama kementerian adalah untuk memperkasakan peranan dan fungsi Mini RTC sediada sebagai “satu hentian pelbagai perkhidmatan” agensi kerajaan dan swasta.

## LAMPIRAN 1

### SENARAI MINI RTC DI KAWASAN PANTAI TIMUR

Bil	Mini RTC	Daerah	Negeri
1	Pamah Kulat	Raub	Pahang
2	Paya Bungor	Kuantan	Pahang
3	Bukit Sekilau	Kuantan	Pahang
4	Sungai Panching Utara	Kuantan	Pahang
5	Shafie	Bentong	Pahang
6	Baru	Pekan	Pahang
7	FB Sri Makmur	Pekan	Pahang
8	Ubai	Pekan	Pahang
9	Kuala Mai	Temerloh	Pahang
10	Paya Luas	Temerloh	Pahang
11	Kerdau	Temerloh	Pahang
12	Sanggang	Temerloh	Pahang
13	Bolok Hilir	Temerloh	Pahang
14	Tanjung Besar	Temerloh	Pahang
15	Janglau, Rompin	Rompin	Pahang
16	Paya Serai	Bera	Pahang
17	Tembangau	Bera	Pahang
18	Ulu Cheka	Jerantut	Pahang
19	Kuala Medang	Lipis	Pahang
20	FB. Sungai Temau	Lipis	Pahang
21	FB Jerkoh Melayu	Lipis	Pahang
22	Jerangau	Dungun	Terengganu
23	FELDA Jerangau	Dungun	Terengganu
24	FELDA Jerangau Barat	Dungun	Terengganu
25	Dendang	Dungun	Terengganu
26	Kuala Jengal	Dungun	Terengganu

27	Padang Pulut / Betong	Dungun	Terengganu
28	Serdang	Dungun	Terengganu
29	Bukit Besi	Dungun	Terengganu
30	Al-Muktafi Billah Shah	Dungun	Terengganu
31	Pasir Raja	Dungun	Terengganu
32	FELDA Kerteh 1	Dungun	Terengganu
33	FELDA Kerteh 2	Dungun	Terengganu
34	FELDA Kerteh 3	Dungun	Terengganu
35	FELDA Kerteh 6	Dungun	Terengganu
36	Durian Mentangau	Dungun	Terengganu
37	Ketengah Jaya	Dungun	Terengganu
38	Tok Has	Besut	Terengganu
39	Guntong Luar	Setiu	Terengganu
40	Sungai Las	Setiu	Terengganu
41	Alor Limbat	Marang	Terengganu
42	Tanjung Baru	Hulu Terengganu	Terengganu
43	Basong	Hulu Terengganu	Terengganu
44	Kuala Ping	Hulu Terengganu	Terengganu
45	Pela	Hulu Terengganu	Terengganu
46	FELDA Bukit Bading	Hulu Terengganu	Terengganu
47	Landas	Hulu Terengganu	Terengganu
48	Ceneh Bharu	Kemaman	Terengganu
49	Ibok	Kemaman	Terengganu
50	Bandar Seri Bandi	Kemaman	Terengganu
51	Air Putih	Kemaman	Terengganu

52	Batu 14 / Kuala Tayur	Kemaman	Terengganu
53	Seberang Taylor	Kemaman	Terengganu
54	FELDA Seberang Taylor	Kemaman	Terengganu
55	Lubuk Lesong	Kemaman	Terengganu
56	FELDA Neram Satu	Kemaman	Terengganu
57	Pasir Gajah	Kemaman	Terengganu
58	Renok Baru	Gua Musang	Kelantan
59	Batu Papan	Gua Musang	Kelantan
60	Paloh 2	Gua Musang	Kelantan
61	RKT Meranto	Gua Musang	Kelantan
62	Teratak Batu	Pasir Puteh	Kelantan
63	Sungai Sam	Kuala Krai	Kelantan
64	Jelawang	Kuala Krai	Kelantan
65	Mengkebang	Kuala Krai	Kelantan
66	Bukit Jering	Jeli	Kelantan
67	Alor Jeringau	Bachok	Kelantan
68	Kandis	Bachok	Kelantan
69	Kok Pasir	Tumpat	Kelantan
70	Bukit Tandak	Pasir Mas	Kelantan
71	Gual Ipoh	Tanah Merah	Kelantan
72	Blok Ulu Kusial	Tanah Merah	Kelantan
73	Ayer Chanal	Jeli	Kelantan

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK AHMAD JAZLAN BIN DARIPADA YAAKUB [ MACHANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bentuk bantuan yang telah diberikan sepanjang tahun 2014 kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan adakah Kementerian mempunyai dana tambahan bagi membantu sekolah-sekolah pondok di negeri Kelantan bagi menaik taraf infrastruktur dan kemudahan asas sekolah pondok berkenaan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan pelbagai bantuan kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seperti mana bantuan yang diberikan kepada sekolah bantuan kerajaan yang lain. Dalam Bajet 2014 dan juga Bajet 2015, Kerajaan telah menyediakan peruntukan penyelenggaraan kepada SABK sebanyak RM50 juta (2014) dan RM50juta (2015).

Pada tahun 2014, kerajaan telah menyalurkan bantuan secara *one off* sebanyak RM50 juta kepada 553 Sekolah Agama Rakyat yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri seluruh negara termasuk di Kelantan. Ini meliputi sekolah agama rakyat, sekolah tafhib dan sekolah pondok. Manakala dalam pembentangan bajet 2015, kerajaan telah

memperuntukkan sebanyak RM25 juta secara *one off* kepada sekolah-sekolah pondok yang berdaftar.

RT05